

## Adat Perkahwinan Etnik Bajau di Pantai Barat Sabah: Satu Pandangan Dini dari Dimensi Tradisi dan Moden

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

saidatul@ums.edu.my

**Abstrak** Perkahwinan merupakan salah satu proses membina sebuah ‘negara kecil’ dalam sebuah unit kecil bernama keluarga. Untuk memulai sesebuah perkahwinan, terdapat pelbagai perkara yang perlu dipenuhi, sama ada keperluan tersebut bersifat adat tradisi mahupun kewajipan beragama. Sebagai sebuah kumpulan etnik yang masih kuat berpegang kepada adat tradisi, orang-orang Bajau masih mengamalkan dan mengekalkan banyak adat tradisi yang tidak bercanggah dengan kehendak agama. Sehubungan itu, makalah ini menampilkan satu perbincangan tentang aspek perkahwinan orang-orang Bajau daripada dua dimensi, iaitu dimensi tradisi dan moden. Perubahan bersifat fizikal dan mental sedang dirasakan oleh seluruh ahli masyarakat ini, sama ada berlaku dengan pantas atau sebaliknya. Meskipun tidak semua dimensi tradisi diamalkan, ia telah diubah suai untuk memenuhi kehendak dan keperluan semasa yang sedang melanda seluruh ahli masyarakat ini. Kebanyakan generasi muda Bajau memilih untuk mengubah amalan tradisi untuk diseirinkan dengan perkembangan zaman.

**Kata Kunci:** Bajau pantai barat, adat perkahwinan, tradisi, moden, perubahan

***Abstract** Marriage is a process of building a ‘small country’ in a small unit called family. There are various matters that must be fulfilled to start a marriage. These can be either tradition or religious needs. As an ethnic group that continues to strongly maintain its traditions, the Bajau people still practice many traditional customs that do not contradict Islam. Therefore, this article presents a discussion of the Bajaus marriage customs from two dimensions: traditional and modern. The Bajaus are currently experiencing the traditional and modern changes irrespective of whether these changes happened quickly or slowly. Although not all of the tradition are still practised, the ones that are have been modified to meet the current requirement and needs of the community. Many Bajau’s younger generation choose to change the traditional practice to be in line with the modern life.*

**Keywords:** West coast Bajau, marriage customs, traditional, modern, transformation

## PENGENALAN

Untuk menampilkan perihal suku etnik Bajau atau *Sama* bukanlah satu tugas yang mudah kerana ia memerlukan pelbagai jawapan untuk menjawab berpuluh-puluh halaman persoalan. Hal ini juga disebabkan oleh keterbatasan pengetahuan kita tentang sejarah dan kebudayaan masyarakat ini. *Bajau, Badjo, Bajo, Sama, Sinama, Sama Dilaut, Sama Bajau* atau *Sama Bajo* merupakan antara istilah yang digunakan untuk memanggil kelompok masyarakat yang tersebar luas di tiga negara, iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia. Agak sukar untuk menentukan asal usul masyarakat ini malah, terdapat versi berlainan yang menceritakan tentang asal usul mereka.

Kata Bajau sering dikenali dengan pelbagai panggilan dan satu gelaran yang sangat terkenal untuk merujuk kepada kelompok ini, iaitu sebagai gipsi laut (*sea gypsies*) atau nomad laut (*sea nomads*). Orang-orang yang digelar Bajau ditemui tersebar di seluruh Semenanjung Asia Tenggara (*Insular Southeast Asia*). Catatan dan dakwaan yang dibuat oleh pelayar-pelayar awal dari China dan Eropah menjelaskan mereka ditemui mendiami perahu-perahu dan mendominasi kawasan-kawasan laut di Pulau Mergui, Singapura, Johor, Pulau Bangka, Sulawesi dan pulau-pulau Sulu.

Perubahan masa juga membawa banyak perubahan kepada kelompok bergelar Bajau. Kebanyakan mereka telah meninggalkan perahu dan mula mendiami daratan. Meskipun demikian, masih terdapat sesetengah orang Bajau yang mengekalkan cara hidup di dalam perahu tetapi, jumlah mereka semakin mengecil. Sekiranya arus perubahan ini semakin meluas dan membesar sudah pasti budaya hidup berperahu akan lenyap daripada seluruh kelompok Bajau.

## ASAL USUL BAJAU

Sejarah lisan berhubung dengan asal usul komuniti Bajau ini sejagat sifatnya. Terdapat persamaan dari segi sejarah lisan bahawa asal usul komuniti Bajau di Asia Tenggara adalah dari Johor. Terdapat beberapa kekusutan dan kontroversi tentang sejarah awal kedatangan orang-orang Bajau ke Sabah. Menurut catatan penulis-penulis Barat, orang-orang Bajau telah berhijrah ke Sabah lebih daripada 200 tahun lalu (Whelan, 1970:52). Berdasarkan

dakwaan masyarakat peribumi di Borneo, dalam Tarsilah Brunei (*The Brunei Annals*) dicatatkan bahawa orang-orang Bajau telah menduduki kawasan pantai barat utara Sabah seawal abad ke-16, yakni semasa pemerintahan Sultan Abdul Kahar, sultan keenam Kerajaan Brunei (Low, 1880:11,25).

Tradisi lisan Brunei pula menjelaskan bahawa orang-orang Bajau telah berhijrah ke Borneo Utara lebih awal. Cerita itu mengaitkan kedatangan orang-orang Bajau ke Borneo Utara dengan episod perkahwinan pemerintah Brunei yang pertama – Awang Alak Betatar dengan anak perempuan pemerintah Johor. Cerita itu menyatakan bahawa pemerintah Johor telah menghantar puterinya ke Sulu dalam utusan untuk mengahwinkan puteri itu dengan pemerintah Sulu. Puteri itu diiringi oleh satu rombongan pahlawan yang besar dari Johor. Malangnya, setibanya mereka di kawasan pantai negara Brunei, rombongan itu telah diserang hendap oleh pahlawan-pahlawan Brunei dan puteri itu telah ditangkap. Pemerintah Brunei ketika itu dikatakan telah mengahwini puteri tersebut. Rombongan pahlawan yang mengiringi puteri Johor itu memutuskan untuk tidak kembali ke Johor sejak kegagalan misi itu. Sesetengah daripada mereka kemudiannya telah tinggal menetap di pantai-pantai Borneo yang memanjang ke Brunei dan bakinya menjadi pengembara laut yang kemudian dikenali sebagai *Pala'u*. Cerita lisan Bajau juga memaparkan kisah yang sama dengan cerita lisan Brunei itu malah, dalam *Tarsilah Brunei* dicatatkan bahawa Sultan Brunei yang pertama – Awang Alak Betatar mendapat simbol pengiktirafan sebagai raja daripada Johor dan Andalas (Palembang) (Low, 1880:1; Sweeney, 1968:11). Awang Alak Betatar kemudiannya memeluk Islam dan ditabalkan menjadi Sultan Brunei dengan gelaran Muhamad kerana perkahwinannya dengan puteri dari Johor itu. Perkahwinannya dengan puteri Johor itu menyebabkan Sultan Muhamad diberi kuasa untuk memerintah lima wilayah lain di Borneo termasuk Sarawak dan Sambas (Low, 1880:1-2; Mohd. Jamil al-Sufri, 1977:38).

Memandangkan Sultan Muhamad adalah satu-satunya pemerintah Brunei yang mempunyai hubungan perkahwinan dengan keluarga Diraja Johor maka, hal itu boleh dijadikan titik pemula untuk menentukan dan membangunkan tarikh awal penghijrahan orang-orang Bajau ke Borneo Utara, sebagaimana yang didakwa oleh orang-orang Bajau. Nama yang dicatatkan dalam *Tarsilah Brunei* itu berkemungkinan bukanlah Johor

moden yang kita ketahui hari ini kerana Johor moden hanya muncul pada 1511, yakni selepas kejatuhan Kerajaan Melaka. Malah, semasa lawatan Pigafetta ke Brunei pada 1521, Johor moden belum wujud sedangkan Sultan yang memerintah Brunei ketika itu merupakan pemerintah yang ke-5, iaitu Sultan Bolkiah (Low, 1880:3). Menurut Pehin Mohd. Jamil al-Sufri (1977:39), wilayah yang dikenali sebagai Johor itu berkemungkinan Singapura ataupun Melaka.

Umum mengetahui bahawa Melaka dijumpai pada 1400. Sebagaimana yang dikatakan sebelumnya bahawa Sultan Muhammad memeluk Islam kerana berkahwin dengan puteri Johor. Jika Sultan Muhammad memerintah pada 1370, bermakna mentuanya, iaitu Sultan Johor seperti yang dinyatakan dalam *Tarsilah Brunei* bukanlah pemerintah Melaka (dijumpai 1400) dan Johor moden (dijumpai 1511). Maka, kemungkinan yang tinggal adalah Singapura yang dikenali sebagai Temasek. Menurut *Sejarah Melayu*, Temasek ditemui sebagai sebahagian daripada Dinasti Palembang. Palembang pula sebelumnya dikenali sebagai Andalas, yang merupakan Kerajaan Srivijaya, yakni Kerajaan Melayu Sumatera purba (Wilkinson, 1971:30) yang turut meluaskan wilayah penguasaan ke Borneo barat pada abad ke-11 (Dartford, 1963:13). Memandangkan Temasek secara geografinya terletak di hujung Semenanjung Tanah Melayu maka, agak tidak menghairankan jika nama seperti Pulau Ujung, *Pu-luo-chung* dijadikan panggilan kepadanya. Johor pula awalnya dikenali sebagai Ujung Tanah (Buyong, 1972:5). Disebabkan kedua-dua Temasek dan Johor mempunyai geografi dan nama yang hampir serupa maka, tidak menghairankan nama panggilan itu akan digunakan secara bersilih ganti. Penulis *Tarsilah Brunei* yang menyebut tentang Johor berkemungkinan merujuknya bukan sahaja sebagai hujung semenanjung itu tetapi juga termasuk pulau yang berada di hujungnya. Cerita geneologi itu turut menyatakan bahawa pemerintah Temasek ketika itu membina istananya di Johor (Mohd. Jamil al-Sufri, 1977:38).

Bermakna, semasa zaman Temasek, Johor bukan sahaja secara geografinya dekat tetapi juga merupakan sebahagian daripada Kerajaan Temasek. Maka, istilah Johor itu berkemungkinan adalah kawasan yang termasuk dalam Pulau Temasek sendiri. Malah, kerajaan yang memerintah itu juga berkemungkinan merupakan lanjutan daripada pemerintahan dari Kepulauan Riau. Melalui *Tarsilah Brunei* dicatatkan juga bahawa selepas

perkahwinan Sultan Muhammad dengan puteri Johor itu, baginda tidak hanya menerima tanda wakil kuasa kerajaan Johor malah, termasuk juga tanda kuasa Kerajaan Andalas (Dinasti Palembang) dan lima wilayah di Borneo Barat. Hubungan diraja antara keluarga diraja Brunei dan Dinasti Palembang (yang juga adalah pelopor pembukaan Temasek) sememangnya telah wujud dan, hubungan itu bermula dengan peristiwa perkahwinan Sultan Muhammad dengan puteri dari Johor itu.

Sekiranya andaian bahawa isteri Sultan Muhammad itu adalah puteri pemerintah Temasek (yang juga sebahagian daripada Johor) adalah benar maka, perkahwinan antara dua kerabat diraja itu telah berlaku pada akhir abad ke-14. Episod perkahwinan ini menjadi penyokong kepada cerita lisan Bajau yang mendakwa nenek moyang mereka datang dari kawasan Johor. Tarikh itu juga dapat menentukan tempoh migrasi mereka ke pantai barat Borneo Utara (Sabah). Hal ini juga membuktikan bahawa migrasi orang-orang Bajau juga berlaku pada abad tersebut.

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa keturunan nenek moyang orang Bajau berasal dari wilayah Johor (Johor/Singapura/kawasan Riau, yakni berkemungkinan kawasan orang Laut/orang Selat (Seletar) ditemui kini) dan, mereka berhijrah ke barat Borneo Utara pada akhir abad ke-14. Peredaran masa turut menyaksikan penghijrahan orang-orang Bajau dari Kepulauan Sulu berdekatan ke timur Sabah khususnya, pada dua abad ke belakang sebagaimana yang direkodkan oleh penulis-penulis Barat (Warren, 1972:327-330).

Terdapat pula cerita lisan yang memerihalkan asal usul orang-orang Bajau sepertimana sejarah lisan komuniti Bajau dari Kampung Darau, Kota Kinabalu yang jelas mengaitkan keturunan mereka dengan Sultan Brunei beragama Islam pertama, iaitu Sultan Muhammad. Mereka mendakwa bahawa keturunan mereka daripada abang kepada Sultan Brunei tersebut. Sumber lisan itu mendakwa bahawa Sultan Brunei beragama Islam pertama itu asalnya dari Johor dan, seorang saudara kandung baginda telah menetap di bahagian pantai barat Sabah. Awalnya beliau menetap di kawasan Sungai Mengkabong. Saudara kandung Sultan Brunei itu kemudiannya berkahwin dengan beberapa wanita tempatan. Hasil perkahwinan itu, beliau memperoleh ramai anak. Dipercayai daripada keturunan inilah wujudnya suku kaum Bajau Darat yang berbeza daripada Bajau Laut (Gusni, 2003: 51-2).

Menurut Datu Hj. Arifin dari Kampung Rampaian Laut, Kota Belud yang juga mempunyai keturunan Iranun dan Bajau menjelaskan gelaran warisan yang dipakainya. Datuknya bergelar Datu Pintilan adalah anak kepada Raja Muda Inderaja (keturunan Melayu), anak kepada Pengeran Paduka (keturunan Brunei) dan anak kepada Raja Simerawi. Menurut Norsilah Datu Juan dari Kampung Kesapang, Kota Belud pula, dia masih menyimpan salinan perjanjian yang termaktub pada 1884 yang dibuat oleh datuknya, Datu Rambangan (keturunan Sulu) dengan pihak *Chartered Company*, mengakui datuknya sebagai putera Raja Simerawi. Raja Tua yang berasal dari keturunan Kerajaan Johor Riau. Raja Bajau ialah Yamtuan Muda Raja Johor memerintah di Pahang, pernah bertunang dengan puteri Jambi tetapi telah diputuskan oleh Sultan Abdul Jalil (1623-1677). Memandangkan raja Bajau telah memperisterikan anak Laksamana Tun Abd. Jamil kerana pada masa itu laksamana itulah orang besar yang sangat berpengaruh dalam Kerajaan Johor dan beliau jugalah yang memegang kuasa Sultan Johor yang memerintah di Riau (Buyong, 1972:75).

### **Identifikasi Bajau Pantai Barat dan Bajau Pantai Timur Sabah**

Kepelbagaian versi tentang asal usul orang-orang Bajau secara tidak langsung turut memberikan kesan terhadap proses identifikasi masyarakat ini. Dalam konteks Sabah, orang-orang Bajau secara jelas boleh ditemui di dua lokasi berbeza, iaitu di pantai barat dan pantai timur Sabah.

Walau bagaimanapun, wujud pengklasifikasian berbeza yang diberikan oleh sarjana-sarjana Barat yang menggunakan panggilan Bajau Darat untuk orang-orang Bajau di pantai barat Sabah dan Bajau Laut untuk orang-orang Bajau di pantai timur Sabah. Pengklasifikasian sedemikian turut diguna pakai oleh pemerintah, khususnya dalam buku *Bancian Penduduk*. Hal ini berkemungkinan untuk memudahkan pihak kerajaan membezakan kedua-dua kelompok masyarakat ini yang lebih senang dan gemar dikenali sebagai *Jomo Sama* (bagi orang-orang Bajau di pantai barat) dan, *A'a Sama* (bagi orang-orang Bajau di pantai timur) dan, kedua-dua panggilan itu bermaksud Orang *Sama* atau Orang Bajau. Meskipun demikian, takrifan dan identiti yang diguna dan diberikan oleh pihak pemerintah itu tidak semestinya selaras dengan identiti takrifan harian yang dikonstruksi sendiri oleh kedua-dua kelompok masyarakat ini.

Terdapat beberapa perkara yang jelas membezakan antara orang-orang Bajau pantai barat dan orang-orang Bajau pantai timur Sabah. Perkara yang sangat ketara dan sememangnya tidak boleh dinafikan adalah kedudukan geografi serta lokasi petempatan berbeza yang memungkinkan wujudnya kepelbagaian dan keragaman budaya. Hal ini demikian kerana wujudnya pengaruh persekitaran, ekologi semasa dan masyarakat setempat. Cuma, jika disoroti daripada sejarah asal usul dan sejarah penghijrahan orang-orang Bajau ini realitinya, mereka merupakan kelompok manusia yang berasal daripada rumpun bangsa *Sama* yang serupa, yakni mereka tergolong ke dalam rumpun bangsa Austronesia. Bangsa *Sama* ini juga tergolong dalam kelompok yang sememangnya mahir sebagai pelayar laut atau sebagai pengembara-pengembara laut.

Gelombang penghijrahan yang berbeza-beza telah menempatkan orang-orang Bajau di pantai barat Sabah sebagai kelompok masyarakat yang mendiami rumah dan tinggal di atas daratan. Hal ini secara tidak langsung turut mempengaruhi dan mengubah jenis pekerjaan mereka, yakni daripada bekerja sebagai penangkap ikan kepada aktiviti bercucuk tanam. Seiring dengan peredaran masa, mereka telah melalui proses transformasi berulang kali dan akhirnya orang-orang Bajau pantai barat telah berjaya beradaptasi dan berasimilasi dengan masyarakat setempat dan suasana persekitaran yang baharu khususnya, dengan anggota-anggota masyarakat Dusun dan Melayu-Brunei.

Seyogianya juga ditegaskan bahawa selain panggilan *Jomo Sama* (orang Sama/Bajau) untuk memperkenalkan diri sebagai orang Bajau di pantai barat Sabah, mereka turut menggunakan ungkapan *Sama Dopo'* (Sama/Bajau sebelah) untuk mengenali orang-orang Bajau yang hidup berjiranan, misalnya orang Bajau dari daerah Kota Belud akan memanggil orang Bajau dari daerah Tuaran sebagai *Sama Dopo'* dan sebaliknya. Namun, peredaran waktu turut melihat berlakunya perubahan istilah untuk merujuk kepada kelompok masyarakat Bajau yang diasaskan kepada daerah kediaman. Akhirnya, muncul bentuk panggilan baharu yang dikenali sebagai orang Bajau Kota Belud, Bajau Tuaran, Bajau Papar, Bajau Kawang dan Bajau Kinarut.

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kekeliruan berhubung dengan istilah Bajau dalam konteks daerah Semporna. Panggilan Bajau di daerah tersebut memperlihatkan satu jalur yang sedikit kompleks dan bervariasi

sifatnya, berbanding dengan panggilan Bajau di pantai barat Sabah. Hal ini disebabkan oleh perbezaan budaya antara kumpulan-kumpulan kecil Bajau yang dikategorikan ke dalam kelompok Bajau pantai timur Sabah. Bagi masyarakat Bajau pantai timur, mereka mengidentifikasikan diri sebagai Bajau diikuti dengan nama yang didasarkan kepada asal usul nenek moyang dan juga dialek yang dituturkan, misalnya *A'a Ubian*, *A'a Kubang*, *A'a Simunul*, *A'a Sibutu*, *A'a Sikubang* dan *A'a Kagayan*. Mereka tidak menggelar diri sebagai Bajau Laut. Bagi mereka, panggilan Bajau Laut hanya dirujuk untuk kelompok masyarakat Bajau Filipina yang berhijrah ke daerah Semporna (yang sebahagiannya masih menjadi penghuni perahu) dan lebih terkenal dengan gelaran *Palau'* atau *Palaut*.

Kedua-dua kelompok Bajau ini turut diidentifikasikan dengan budaya benda dan budaya bukan benda yang berbeza. Perbezaan ini banyak dipengaruhi oleh faktor geografi dan lokasi kediaman, di samping perkara-perkara yang melibatkan sumber ekonomi yang turut memperlihatkan perbezaan yang sangat besar. Orang Bajau pantai barat merupakan petani yang hebat dan berpengetahuan luas berhubung dengan dunia pertanian sedangkan, orang Bajau pantai timur pula merupakan nelayan yang berani mengharung laut luas. Mereka mempunyai leksikal yang luas berkaitan dengan kehidupan laut dan sumber-sumber laut. Variasi yang wujud dalam budaya antara kedua-dua kelompok Bajau ini disebabkan oleh proses asimilasi dan pengaruh persekitaran yang berbeza.

Perkara lain yang turut membentuk identifikasi berbeza antara kedua-dua kelompok Bajau ini adalah aspek bahasa. Orang-orang Bajau pantai barat dan Bajau pantai timur menggunakan dua bahasa berbeza tetapi, mempunyai ikatan kekeluargaan bahasa, yakni berasal daripada Rumpun Keluarga Bahasa Bajau. Terdapat perbezaan saling faham antara kedua-dua penutur bahasa ini. Banker (1984:109-110) telah melakukan ujian kesalingfahaman antara bahasa Bajau pantai barat dan pantai timur Sabah. Ujian dilakukan berasaskan kaedah leksikostatistik yang menggunakan cerita lisan daripada kedua-dua kelompok penutur ini. Banker (1984) memilih empat kawasan dominasi petempatan Bajau pantai barat, iaitu di Kampung Serusup, Tuaran; Kampung Kawang, Papar; Kampung Kulambai, Kota Belud dan Kampung Mapan-Mapan, Pitas sebagai kawasan perbandingan dengan seluruh daerah dari Semporna. Tahap kesalingfahaman tersebut dapat diteliti sebagaimana jadual yang berikut.



**JADUAL 1** Jadual ujian kesalingfahaman antara penutur bahasa Bajau pantai barat dan pantai timur Sabah

<b>Kaset Rujukan</b> <b>Kawasan Ujian</b>	<b>Semporna</b> <b>(Bajau pantai timur)</b>
Serusup	35 (65)
Kawang	64 (63)
Kulambai	64 (61)
Mapan-Mapan	82 (63)

Disesuaikan daripada (Banker, 1984:109)

Jadual di atas memperlihatkan bahasa Bajau pantai barat dari Kampung Kawang dan Kulambai menunjukkan tahap saling faham yang dekat dengan bahasa Bajau dari daerah Semporna. Sementara itu, bahasa Bajau pantai barat dari Kampung Mapan-Mapan menunjukkan 19 peratus perkongsian kognat yang lebih tinggi berbanding dengan Kampung Serusup, iaitu hanya 30 peratus perkongsian kognat. Dengan demikian, bahasa Bajau dari Kampung Mapan-Mapan mempunyai hubungan yang dekat dengan bahasa Bajau Semporna kerana kawasan Mapan-Mapan itu lebih hampir dengan pantai timur Sabah dan tidak menghairankan sekiranya tahap saling faham tersebut lebih tinggi. Sedangkan, Kampung Serusup menunjukkan tahap saling faham yang rendah dengan bahasa Bajau Semporna. Berasaskan ujian kesalingfahaman ini mengesahkan bahawa bahasa Bajau pantai barat dan bahasa Bajau pantai timur adalah dua bahasa yang terpisah (Banker, 1984:110).

### **Ikatan Etnik**

Sudah diketahui bahawa orang-orang Bajau merupakan kumpulan etnik yang berselerakan di hampir seluruh rantau Nusantara. Mereka dapat ditemukan di kawasan barat Semenanjung Tanah Melayu (termasuk Tenasserim dan Kepulauan Mergui), daerah Laut China Selatan (termasuk Kepulauan Riau-Lingga, Pulau-pulau Tujuh, Pulau-pulau Bangka dan Belitung), Indonesia timur, Kepulauan Sulu dan Sabah (Sopher, 1965:50-7). Penyebaran petempatan mereka yang berselerak membuktikan bahawa kumpulan etnik ini berdiaspora di berbagai-bagai tempat yang berbeza dan terpisah berdasarkan kawasan geografi dan tradisi sekitaran yang mendukungi hidup mereka.

Menurut pandangan Miller (1981:54), orang-orang Bajau di Sabah merupakan kumpulan yang berasal dari Filipina Selatan kerana bahasa mereka dikatakan mempunyai pertalian dengan dialek-dialek *Sama*<sup>1</sup> selatan yang dituturkan di Filipina Selatan. Pada hemat penulis, orang-orang Bajau di Sabah merupakan kumpulan etnik yang telah berhijrah ke Sabah dari tanah asal mereka di Filipina selatan. Walau bagaimanapun, bentuk bahasa kelompok Bajau darat yang mendiami pantai barat Sabah telah banyak meminjam leksikon daripada bahasa Melayu. Sementara itu, bentuk bahasa kelompok Bajau pantai timur lebih banyak mengekalkan struktur asal bahasa Bajau proto.

Sebagaimana kenyataan Sather (1968:206), bahasa Bajau pantai timur merupakan salah satu bahasa himpunan dialek dan subdialek kawasan yang heterogen, yang tergolong ke dalam rumpun Filipina daripada bahasa Austronesia. Menurut Sather, bahasa ini mempunyai pertalian dengan bahasa Yakan yang dituturkan di Pulau Basilan dan kawasan-kawasan bersebelahan dengan Semenanjung Zamboanga di Mindanao dan Jama Mapun dari Kagayan ke Sulu. Contoh kata bilangan, warna dan anatomi dan nama haiwan dalam bahasa Bajau pantai timur dan Bajau Filipina ini memperlihatkan kebenaran dakwaan Sather (1968) tersebut.

**i) Angka**

Austronesian Proto Language (APL)	Malay Language (ML)	Bajau pantai barat (BPB)	Bajau <sup>2</sup> pantai timur (BPT)	Bajo <sup>3</sup> Sanguang (BBS)	Bajau <sup>4</sup> Yakan (BY)	Bahasa <sup>5</sup> Suluk (BS)
* isa'	satu	isa'	assa	dakau	dembua'	hambuk/isa'
* duwa	dua	duwo	ruwa	dua	due	duwa
* telu	tiga	telu	tullu	tullu	tellu	tu
* mpat	empat	mpat	ampat	mpa'	ampat	upat
* lima	lima	limo	lima	lima'	lime	lima
* enam	enam	enam	onom	nnang	ennem	unum
* pitu'	tujuh	pitu'	pitu'	pitu	pitu'	pitu'
* walu'	lapan	wawu'	walu'	walu	walu'	walu'
* siam	sembilan	siam	siyam	sanga	siyam	siyam
* sangpu	sepuluh	sepu	sangpu'	sapulu	sampu	hampu'

## ii) Warna

APL	ML	BPB	BPT	BBS	BY	BS
* qitem	hitam	iram	attom	lohong	ittem	itum
* kuning	kuning	kuning	kuning	kune'	binaning	bianing
* putiq	putih	pute'	pote'	pute	pute'	puti'
* mairaq	merah	darag	keyat	mira	peyat	pula
* bilu	biru	biru	bilu	ngulo'	bilu	bilu
* qizaw	hijau	gadung	goddung	nyulo'	gaddung	gaddung

## iii) Anatomi

APL	ML	BPB	BPT	BSS	BY	BS
*mata	mata	moto	mata	mata	mata	mata
*qatey	hati	atai	atai	ate'ina	atai	atai
* paha	paha	po	pa'a	paha	paa	pa'a
* kaki	kaki	betis	tape'	nai	betis	siki
* dilaq	lidah	dela'	dalla'	della'	della'	dilla'
* tangan	tangan	tangan	tangan	tangang	tangan	tangan
* mulut	mulut	buwa'	bowa'	boa	behe	simud
* talinga	telinga	telingo	tolinga	talinga	taienge	tai'nga
* iju sung	hidung	urung	ung	uro'	ulung	ilung
* ulu	kepala	tekok	kok	tikolo'	kolo'	u

## iv) Haiwan

APL	ML	BPB	BPT	BBS	BY	BS
* manuk	ayam	manuk	manuk	mano	manu'	manuk
* asu	anjing	uwa'	ero'	asu	asu	iruk
* manuk	burung	manuk-	manuk-	manu'-	manu'-	manuk-
* liwati	cacing	manuk	manuk	manu'	manu'	manuk
* isekan	ikan	sasing	sassing	sasing	luati	sassing
* isekan	ikan	ding	daing	danga'	tenna	istak
* pusaq	kucing	using	kuting	meo'	meaw	kuting
* kambing	kambing	kambing	kambing	bembe	kambing	kambing
* kabeg	kelawar	kobog	kavog	kalalawar	kabeg	kabog
* rusa	rusa	payau	payau	payoi	sumude	payau
* ular	ular	so	sowa	soa	sawe	has

Contoh leksikal yang disenaraikan di atas memperlihatkan bahasa Bajau di seluruh Nusantara memperlihatkan persamaan yang dekat

Austronesian Proto Language (APL)	Malay Language (ML)	Bajau Pantai Barat (BPB)	Bajau Pantai Timur (BPT)	Bajo Sangkuang (BBS)	Bajau Yakan (BY)	Fijian <sup>6</sup>	Bahasa Suluk (BS)
* duwa	dua	duwo	ruwa	dua	due	rua	duwa
* telu	tiga	telu	tullu	tullu	tellu	tolu	tu
* mpat	empat	mpat	ampat	mpa'	ampat	va	upat
* lima	lima	limo	lima	lima'	lime	lima	lima
* enem	enam	enam	onom	nnang	ennem	ono	unum
* pitu'	tujuh	pitu'	pitu'	pitu	pitu'	vitu	pitu'

Leksikal di atas pula memperlihatkan persamaan dalam leksikal asas, sekali gus menunjukkan bahawa orang-orang Bajau berusaha menyesuaikan semula leksikal Bajau berdasarkan persekitaran yang mereka diami. Usaha ini dilaksanakan untuk membolehkan mereka berasosiasi dengan masyarakat berjiranan. Namun, hal sedemikian tidak terlalu menghairankan kerana penyesuaian itu agak mudah dilakukan kerana bahasa Bajau juga bersumberkan bahasa Austronesia purba.

Terdapat beberapa kenyataan yang menunjukkan bahasa Bajau mempunyai banyak persamaan dengan bahasa Melayu. Hal ini pernah diakui oleh beberapa orang pengkaji awal. Umpamanya, menurut Abd. Ghani Bagul (1950:196), bahasa Bajau banyak menyerupai bahasa Melayu. Turut mengemukakan pandangannya ialah Yeop Johari Yaakub & Ismail Abbas (1988) yang menghujahkan bahawa bahasa Bajau mempunyai kosa kata yang sama dengan bahasa Melayu. Pada hemat penulis, kenyataan di atas mestilah seiring dengan bukti kukuh yang mengesahkan sama ada bahasa Bajau benar-benar sama dengan bahasa Melayu atau sebaliknya. Penulis berpendapat, kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya tidak menggunakan kaedah linguistik sejarah perbandingan untuk membandingkannya dengan kata purba milik sesuatu bahasa itu. Sebaliknya, mereka hanya menyenaraikan sejumlah leksikal yang memperlihatkan persamaan dengan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, kenyataan sebelumnya tidak boleh dipertahankan.

Sekiranya diteliti secara lanjut, usaha pengkajian sama ada oleh pengkaji Barat atau tempatan tidak banyak menumpukan perhatian terhadap kata-kata purba yang menurunkan bahasa Bajau, sama ada berbentuk kata asli atau kata pinjaman. Fenomena ini menyebabkan wujud andaian bahawa bahasa ini seolah-olah diturunkan dari keluarga bahasa Melayu. Sejauhmana kebenaran bahawa bahasa Bajau mempunyai pertalian dengan bahasa Melayu belum dapat dipastikan dan penelitian selanjutnya perlu dibuat untuk membuktikan kesahihan kenyataan tersebut.

Asmah Haji Omar (1995:21) misalnya, menerusi penelitiannya terhadap perbandingan bahasa Bajau pantai barat dan Bajau pantai timur yang menumpukan kepada kata bilangan menjelaskan bahawa kedua-dua bahasa ini mempunyai hubungan antara satu dengan yang lain. Penelitiannya menyimpulkan bahawa Bajau pantai timur dan Bajau pantai barat mempunyai hubungan rapat. Beliau mendakwa kedua-dua bahasa ini diturunkan dari satu bahasa purba, iaitu bahasa Bajau purba. Hipotesisnya itu disokong oleh sejumlah bukti linguistik yang memperlihatkan Bajau pantai barat dan Bajau pantai timur terbentuk daripada satu subkeluarga Bajau.<sup>7</sup> Dakwaan Asmah itu masih belum dibuktikan lagi kerana pada hemat penulis, sekiranya penelitian dilaksanakan hanya dengan menggunakan data yang terlalu terbatas seperti kata bilangan maka, pembuktian terhadap asal usul sesuatu bahasa itu masih belum boleh dilakukan. Oleh yang demikian, dakwaan Asmah Haji Omar yang menyimpulkan hubungan yang rapat antara Bajau pantai barat dan Bajau pantai timur hanya bersumberkan kata bilangan tidaklah dapat dipertahankan kerana sesuatu komuniti pastinya mempunyai banyak kandungan leksikal yang boleh dibuat perbandingan dan tidak bergantung kepada sumber kata bilangan semata-mata.

Selain itu, penentuan salasilah bahasa serumpun harus didasarkan pada ciri-ciri khas yang terdapat antara dua atau lebih bahasa. Jadi, dalam hal ini kita perlu melihat dari aspek linguistik sejarah perbandingan yang menjelaskan bahawa suatu retensi atau pengekalannya bukanlah ciri khas tetapi, milik umum untuk seluruh rumpun kerana retensi diturunkan dari bahasa purba sedangkan, perubahan atau inovasi terjadi semasa bahasa purba itu berkembang menjadi berbagai-bagai bahasa. Justeru, faktor inovasi yang penting dalam pengelompokan bahasa serumpun, iaitu usaha menyusur galur salasilah bahasa serumpun (Blust, 1986:14).<sup>8</sup>

Berdasarkan kaedah linguistik sejarah perbandingan, terdapat dua ciri inovasi yang wujud dalam data bahasa ini, iaitu kehadiran konsonan /h/ dan pemanjangan konsonan tengah. Contohnya,

BAP	BPB	BPT	erti
*qasu	umbu	humbu	asap
*qabuk	abuk	habuk	habuk
*uyat	uwat	huwat	urat
*laki	la	halla	suami
*anuduq	ta'	taha'	panjang
*lemet	buau	buhau	karam
*bara	bo	baha	bahu

Jelas wujud kehadiran konsonan /h/ dalam bahasa Bajau pantai timur berbanding dengan Bajau pantai barat.<sup>9</sup> Malahan, terdapat perubahan \*q>h/\_# dalam sesetengah perkataan, sedangkan kehadiran konsonan /h/ dalam Bajau darat hanya bertindak sebagai konsonan pinjaman.

Selain itu, satu lagi ciri inovasi yang hadir adalah ciri pemanjangan konsonan tengah yang dapat diperhatikan sebagaimana berikut,

BAP	BPB	BPT	erti
*bener	bana	bannal	benar
*teka	teko	takka	datang
*dilaq	dela'	dalla'	lidah
*qitem	iram	attom	hitam
*ama	ma'	amma'	bapa
*nipi	ngupi	nguppi	mimpi
*qizaw	gadung	goddung	hijau

Ciri inovasi yang serupa juga dapat diperhatikan dalam bahasa Bajau Yakan, Filipina dan bahasa Bajo Sangkuang, Indonesia.

BAP	BPB	BPT	Bajau Yakan	erti
*telu	telu	tullu	tellu	tiga
*qitem	iram	attom	ittem	hitam
*qizaw	gadung	goddung	gaddung	hijau
*kengpung	betong	bottong	betteng	perut
*dilaq	dela'	dalla'	della'	lidah

Persamaan ciri pemanjangan konsonan ini juga dapat diperhatikan dalam bahasa Bajo Sangkuang dan dialek Sambas (cf., Collins, 1995). Pemanjangan konsonan tengah dalam Bajau laut berlaku apabila konsonan mengikuti vokal depan rendah dan vokal depan tinggi. Sedangkan dalam Bajau Yakan, proses pemanjangan berlaku apabila konsonan tersebut didahului dengan vokal depan rendah, vokal depan tinggi dan vokal tengah. Ada beberapa kemungkinan mengapa hal ini boleh berlaku. Collins (1995:876) menjelaskan lagi bahawa data yang dikutip daripada berbagai-bagai komuniti Bajau di Indonesia dan Filipina memperlihatkan ciri-ciri yang mirip kepada tiga inovasi fonologi, iaitu pemindahan tekanan kepada suku kata praakhir, pemanjangan konsonan tengah dan pemberatan vokal praakhir (cf., Verheijen 1986 & Pallesen, 1977; 1979). Berkemungkinan persamaan inovasi ini merupakan ciri wilayah yang sememangnya terjadi dalam beberapa bahasa.

Penelitian Collins (1996) tentang data daripada komuniti Bajo Sangkuang di Bacan misalnya, mengesahkan pemerhatian Pallesen (1977;1979) tentang pemanjangan konsonan, tekanan kata dan anjakan vokal tengah, pepet yang saling bersesuaian. Ringkasnya, Pallesen (1977:107-108) menjelaskan bahawa pemanjangan konsonan dalam bahasa Bajau/Sama secara nalarnya berlaku apabila sesuatu konsonan mengikuti pepet, \*e dalam bahasa purba. Pallesen seterusnya mengaitkan hal ini dengan kenalaran tekanan. Collins (1991) juga telah menggariskan senario yang serupa bagi sejarah perkembangan \*e dalam dialek Melayu Kutai malah, bagi semua dialek Melayu Borneo timur. Bersumberkan penelitiannya terhadap bahasa Bacan memperlihatkan perubahan tekanan secara tekal dan asimilasi pepet pada kedudukan praakhir di tempat vokal terakhir, seperti yang terpapar dalam penelitiannya terhadap bahasa Bajau/Sama (cf. Collins 1994a, 1994b, 1996)<sup>10</sup>.

Walaupun bahasa Bajau tidak mempunyai hubungan kekerabatan dengan bahasa Melayu, ternyata bahawa bahasa Bajau di seluruh Nusantara (Malaysia, Indonesia dan Filipina) pernah dipengaruhi oleh varian Melayu di Pulau Borneo. Pengaruh ini membawa kemungkinan beratus-ratus tahun lalu bahasa Bajau pun disebarkan dari pulau Borneo sehingga bahasa itu kini terdapat di seluruh Nusantara timur (Collins, 1995:876). Oleh yang demikian, ciri-ciri seperti proses fonologi, pengaruh wilayah dan pengaruh varian bahasa Melayu yang disebarkan di kawasan pulau Borneo perlu diambil kira untuk menentukan akar umbi sesuatu bahasa. Persamaan yang wujud

di antaranya berkemungkinan kerana bahasa ini diturunkan satu keluarga bahasa yang sama. Jelasnya, bahasa Bajau ini bukanlah suatu varian Melayu (cf., Collins, 1995). Pertalian yang wujud disebabkan bahasa-bahasa ini merupakan bahasa yang diturunkan daripada rumpun Austronesia.

Persamaan ini juga mungkin disebabkan pengaruh dua varian, iaitu diandaikan wujudnya pengaruh dialek Melayu Sabah dengan bahasa Suluk atau mungkin inovasi itu merupakan ciri wilayah yang sememangnya sering terjadi dalam beberapa bahasa seperti dialek Brunei. Keadaan ini memang diduga berlaku kerana jika diteliti dari kawasan kediaman suku-suku etnik ini, etnik Bajau pantai timur memang berjiranan dengan suku bangsa Suluk, iaitu di Sabah timur seperti di Semporna dan Tawau. Sebaliknya, kawasan Bajau pantai barat itu terdapat di bahagian barat Sabah. Perbezaan petempatan ini membuktikan kepada kita bahawa nama bangsa yang dikongsi itu tidak perlu melambangkan kesamaan.

Perbincangan yang panjang lebar melalui perbandingan data kosa kata di atas bukanlah bermaksud untuk menentukan asal usul bahasa Bajau. Pada hemat penulis, persamaan leksikal yang wujud merupakan satu ciri wilayah. Sebagaimana yang disadari, bahasa Bajau tersebar secara meluas di seluruh rantau Nusantara dan tidak menghairankan sekiranya wujud persamaan perkataan atau kosa kata di antaranya. Pewajaran data seumpama ini adalah berasaskan kehendak untuk memperjelaskan rupa bentuk sebenar kedua-dua bahasa ini. Oleh yang demikian, berdasarkan penelitian ringkas ini penulis menyimpulkan bahawa bahasa Bajau di Sabah, sama ada Bajau pantai barat mahupun Bajau pantai timur merupakan dua bentuk bahasa yang sama. Keadaan yang membezakan antara kedua-dua bahasa ini ialah daerah dan kawasan penuturannya sahaja.

Justeru, orang-orang Bajau di seluruh Nusantara itu sebenarnya mempunyai ikatan etnik yang padu melalui aspek asal usul, cara mereka berdiaspora di seluruh Nusantara dan bahasa yang mereka tuturkan yang bersumberkan bahasa Austronesia purba. Ikatan 'terselindung' ini akhirnya terpapar dan kelihatan pada rupa wajah budaya yang mereka dukung antaranya dalam hal perkahwinan. Sehubungan itu, makalah ini diusahakan untuk membincangkan adat perkahwinan etnik Bajau di pantai barat Sabah. Perbincangan ini merangkumi adat perkahwinan pada zaman tradisi dan juga adat perkahwinan zaman moden. Paparan turut diperlihatkan dari segi persamaan dan perbezaannya.



## PERKAHWINAN

Sebahagian daripada amalan budaya orang Bajau kini adalah hasil himpunan dan adunan pelbagai amalan luar yang terkumpul sejak sekian lama. Amalan luar ini menyerap ke dalam kehidupan orang Bajau lalu berbaur dengan amalan budaya sedia ada pada mereka. Amalan-amalan ini sudah menjadi kelaziman dalam kehidupan sehari-hari dan diperturunkan dari satu generasi ke generasi lain. Lama-kelamaan, segala amalan budaya itu menjadi semakin sehati dalam kebudayaan dan jiwa orang Bajau, hingga mereka tidak sedar bahawa sebahagian besarnya berasal budaya asing. Perasaan sedemikian membuktikan betapa eratnya hubungan antara perlakuan yang diamalkan dengan kelompok manusia yang mengamalkannya. Dari sinilah dapat kita lihat betapa manusia boleh menyanjung tinggi amalan mereka hingga menyebabkan sesuatu upacara kebudayaan itu dijaga rapi dan dipelihara daripada segala jenis kecacatan yang mungkin boleh mengubah keunggulan atau rupa bentuknya yang asal.

*Rites de passage* atau transisi ritual didasarkan kepada ciri-ciri sejagat yang diamalkan di seluruh dunia apabila berlaku peralihan dalam hidup, masa atau dalam diri individu. Antara bentuk-bentuk peralihan yang boleh dilihat dalam masyarakat Bajau dan masih diamalkan sehingga kini seperti adat bercukur, upacara perkahwinan dan kematian. Upacara-upacara peralihan dalam hidup dilakukan sebagai menandakan perubahan tahap kehidupan yang ditempuhi oleh seseorang. Upacara itu menandakan suatu pengisytiharan tahap dan kedudukan baharu yang disandang atau dipegang oleh seseorang individu dalam masyarakatnya. Mengikut tradisi, masyarakat Bajau silam juga menempuhi proses yang sama, yakni mereka mengamalkan upacara-upacara peralihan pada setiap tahap perubahan kehidupan yang dilalui oleh individu dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya memfokuskan kepada peralihan status individu berdasarkan adat perkahwinan sahaja.

Bagi masyarakat Bajau, adat merupakan amalan yang perlu dilakukan atau dilaksanakan kerana ia merupakan syarat atau peraturan dalam masyarakat Bajau. Jika sesuatu adat itu tidak dipatuhi, bererti seseorang individu itu telah menyeleweng dan dikatakan tidak hidup bermasyarakat. Bagi masyarakat Bajau tradisi, amalan adat amat dipentingkan kerana ia adalah tinggalan nenek moyang mereka. Oleh itu, memelihara dan

mengamalkan adat adalah seperti menjaga diri sendiri. Namun, semua adat ini boleh berubah dan ia tidak kekal dalam keadaan aslinya kerana manusia melakukan perubahan berdasarkan keperluan zaman. Oleh itu, adat tidak hanya berfungsi mengatur tingkah laku masyarakatnya malah, ia juga mempunyai maksud dan fungsinya yang lebih mendalam, iaitu di dalamnya terkandung unsur-unsur kepercayaan yang hakiki daripada setiap manusia kepada kuasa yang menciptakannya. Bagi mengekalkan amalan adat dalam kehidupan ia mempunyai banyak hubungan dan tentangan. Dalam usaha ini, adat mestilah disesuaikan dengan ajaran agama.

Salah satu adat yang penting dalam masyarakat Bajau ialah perkahwinan. Menurut Islam, perkahwinan itu mudah namun, orang Bajau telah menokok tambah adat istiadat dan upacara hasil daripada pengaruh animisme dan Hindu untuk tujuan-tujuan tertentu yang merangkumi pelbagai keperluan. Terdapat beberapa persamaan dan perbezaan yang wujud dalam adat istiadat perkahwinan Bajau dan Melayu yang boleh diteliti. Walau bagaimanapun, hal penting yang dibincangkan dalam makalah ini ialah adat perkahwinan tradisi dan moden serta, faktor-faktor yang mendasari perubahan adat berkenaan. Antara aspek yang ditekankan adalah proses lamaran serta adat-adat yang terkandung di dalamnya.

Masyarakat Bajau umumnya amat mementingkan pelaksanaan setiap upacara perkahwinan. Oleh itu, upacara perkahwinan tidak boleh dilakukan sebarang sebaliknya, ia dilaksanakan selaras dengan tuntutan adat dan agama. Pelaksanaan sesebuah perkahwinan lazimnya melalui proses-proses tertentu. Upacara-upacara yang dijalankan dipengaruhi pula oleh adat tradisi dan agama.

#### **a) Adat Perkahwinan Tradisi**

Ibu bapa dalam masyarakat Bajau tradisi yang hendak mengahwinkan anak lelaki mereka akan memilih seorang gadis yang difikirkan sesuai untuk anak lelaki mereka. Bagi memastikan gadis pilihan mereka itu sesuai atau tidak, mereka akan meminta orang yang pandai untuk *ngederasi* (merasi atau menilik nasib) berpandukan kitab Tajul Muluk. Cara ini kurang dipraktikkan lagi pada masa kini namun, masih terdapat segelintir masyarakat Bajau yang mengamalkannya. Sekiranya didapati keputusan *ngederasi* tidak sesuai

maka, tindakan seterusnya akan diambil, iaitu mereka akan mencari gadis lain. Jika sesuai, urusan *tilau-tilau idaan* (merisik) akan dilaksanakan. Apabila hal ini dipersetujui oleh ibu bapa, mereka akan menghantar saudara terdekat untuk *tilau-tilau idaan* (merisik) si gadis.

Proses ini dikenali sebagai *mendo*, yakni peringkat awal ke arah proses perkahwinan. Pada peringkat ini wakil ibu bapa akan menyampaikan maksud kehadiran mereka dengan menggunakan bahasa puitis yang dikenali sebagai *manuk-manuk* (bahasa risik) seperti contoh berikut.

*Dela: Kami tu teko mo ajat oyo, manuk-manuk kami tu ingin ta bungo bi, amun nyaun jomo ni ampun, alap bana no bege tak manuk-manuk kami tu.*

*Dendo: Bungo mediam laman kami tu, nyaun lagi ampun, amun bege no ajat bi, alap bana no sab.*

Maksud:

Lelaki: Kami datang dengan membawa hajat yang besar, kami mempunyai seekor burung yang sangat sukakan bunga di taman ini. Jika bunga itu belum mempunyai maka, berita baik untuk burung kami.

Perempuan: Bunga di taman kami belum mempunyai, jika sedemikian besar hajat dibawa maka, elok benar bunyinya.

Atau dengan cara paling ringkas

*Aku tu pitu, sino' tilau-tilau idaan ule'* (nama orang yang diwakilinya), *anak ni angkan dede' ni engkam.*

Maksud:

Saya ni datang ke sini disuruh oleh (nama orang yang diwakilinya), dia mahu menyerahkan anaknya kepada kamu.

Dalam hal ini, ibu bapa si gadis tidak akan memberi jawapan serta-merta, sama ada menerima atau menolak pinangan. Sebaliknya, mereka akan meminta tempoh sekurang-kurangnya seminggu untuk bermuafakat dengan *anak dinakan* (saudara-mara dekat) dan waris-warisnya. Selepas tempoh itu maka, ibu bapa gadis tersebut ataupun wakil bagi pihak ibu bapa akan berjumpa dengan wakil peminangan untuk memberi jawapan dan

menyuruh pihak keluarga lelaki datang ke rumah keluarga perempuan untuk mengadakan perbincangan tentang adat-adat perkahwinan dan menetapkan tarikh perkahwinan secara rasmi. Sebaliknya, jika pinangan ditolak maka, bapa si gadis akan memberi alasan yang munasabah agar tidak menyinggung perasaan keluarga lelaki.

Lazimnya, setelah risikan diterima oleh pihak perempuan maka, keluarga lelaki akan membincangkan tentang *berian* (hantaran) untuk si perempuan. Satu jumlah tertentu akan dirundingkan berdasarkan status si gadis, sekali gus proses penentuan tarikh *seruan* (bertunang) akan turut dilakukan. *Berian* dalam masyarakat Bajau tradisi terdiri daripada beberapa jenis benda berdasarkan status sosial si perempuan, sama ada si perempuan berada dalam kategori golongan bawahan, orang biasa atau golongan Datu. Semasa majlis *seruan* pula, tarikh perkahwinan akan turut ditetapkan. Bagi masyarakat Bajau tradisi, mereka amat teliti memilih bulan dan hari perkahwinan anak-anak. Hal ini disebabkan mereka mempercayai bahawa hari dan bulan itu mempunyai kaitan dengan masa depan dan kehidupan si anak. Masyarakat Bajau tradisi akan berpandukan kepada ramalan *bintang dua belas* bagi memilih hari dan tarikh yang bersesuaian untuk melaksanakan apa juga acara keramaian. Contohnya, hari yang baik ialah pada hari Jumaat; bulan yang baik ialah bulan Syaaban, Zulkaedah, Zulhijah, Rabiulakhir dan Syawal.

Pertunangan tradisional bagi masyarakat Bajau biasanya hanya mengambil tempoh satu ke lima bulan sahaja. Namun, ia tidak muktamad dan boleh berubah sekiranya kedua-dua pihak belum bersedia untuk berkahwin. Malah, ikatan pertunangan turut boleh putus atas sebab-sebab tertentu seperti perangai lelaki atau perempuan tidak elok, salah seorang diserang penyakit berbahaya, kurang prihatin dan sebagainya. Menurut salah seorang responden, iaitu Haji Ibrahim Haji Abd. Kadir, biasanya tempoh masa pertunangan bergantung kepada tiga perkara. Pertama, mengikut kemampuan si peminang. Sekiranya si peminang dapat menyediakan dan menyempurnakan semua permintaan adat si gadis maka, tempoh pertunangan tidak lama, iaitu mungkin lima bulan hingga setahun. Kedua, mengikut persetujuan kedua-dua belah pihak, sama ada mereka hendak berkahwin segera atau sebaliknya. Ketiga, bergantung kepada keputusan keluarga si gadis. Biasanya, orang tua-tua pada zaman dahulu tidak suka anaknya bertunang terlalu lama kerana mereka khawatir akan berlaku perkara-

perkara yang tidak diinginkan. Jadi, ibu bapa berkenaan selalunya akan segera mengahwinkan anak mereka, seboleh-bolehnya dalam tempoh tiga hingga lima bulan tempoh pertunangan sahaja. Bagi orang-orang Bajau, sekiranya perempuan yang memutuskan pertunangan, pihak lelaki berhak menuntut segala hantaran dengan kadar dua kali ganda daripada nilai asal. Namun, sekiranya pihak lelaki yang memutuskan ikatan maka, segala pemberian dikira hangus, iaitu menjadi milik perempuan dan tidak dikembalikan.

Dalam adat tradisional Bajau, terdapat dua jenis *norong* (menghantar *berian*). Pertama, dilakukan dua bulan atau selewat-lewatnya sebulan sebelum majlis perkahwinan, yakni *norong* yang bermaksud menghantar duit perbelanjaan perkahwinan dan barang-barang berkaitan; dan kedua, *norong* jenis kedua lebih dikenali sebagai *malad*, yakni khusus untuk menghantar *badan binatang* yang diminta semasa majlis peminangan dibuat. Biasanya *malad* dilakukan tiga, dua atau sehari sebelum majlis perkahwinan. *Malad* lazimnya dilakukan pada waktu pagi. Apabila binatang-binatang tersebut sampai ke rumah keluarga perempuan, wakil pihak perempuan akan mengukur saiz dan ketinggian binatang-binatang tersebut dengan merentangkan seutas tali. Sekiranya tinggi dan saiz binatang itu tidak mengikut syarat maka, wakil tersebut akan meminta supaya binatang itu ditukar. Lazimnya, binatang yang dihantar jarang sekali tidak memenuhi syarat.

Selepas proses *malad*, kedua-dua belah pihak boleh mengkhabarkan kepada sanak saudara dan taulan berhubung dengan majlis perkahwinan yang bakal diadakan. Pada zaman silam, *ngabar* atau proses pemberitahuan khabar perkahwinan seseorang anak dilakukan dengan ibu bapa mendatangi rumah saudara-mara, sama ada jauh atau dekat. Khabar tersebut mesti diberitahu kepada semua ahli keluarga. Jika terdapat antara ahli keluarga yang tidak dimaklumkan, ia boleh mendatangkan perselisihan faham sesama ahli keluarga. Walau bagaimanapun, pada hari ini proses *ngabar* secara lisan sudah tidak begitu mendapat tempat kerana proses tersebut digantikan dengan kad undangan perkahwinan atau pemberitahuan melalui telefon. Memandangkan kemudahan yang wujud maka, kebanyakan generasi muda kini memilih cara paling mudah untuk melaksanakan proses *ngabar*. Namun, masih wujud cara *ngabar* melalui lisan, yakni mendatangi rumah-rumah keluarga dekat sahaja.

Sebelum majlis akad nikah dan persandingan berlangsung, bagi masyarakat Bajau tradisi akan diadakan beberapa acara terlebih dahulu yang menjadi kemestian bagi generasi lama Bajau. Antaranya acara *madak* (mandi bedak atau malam berinai). *Mandi badak* dalam masyarakat Bajau dilakukan selepas waktu maghrib, yang dikenali sebagai *songom mandi badak*, yakni keesokan harinya adalah majlis persandingan. Hal ini berkaitan dengan unsur ritual yang tersirat di sebalik upacara *mandi badak*. Menurut responden, iaitu Puan Hajah Ramlah Haji Mohammad Zaini, pada masa silam, tujuan *mandi badak* diadakan ialah dijadikan sebagai pemanis kepada muka pengantin (agar wajah berseri-seri), sebagai penolak buatan orang dan sebagai penetap hati pengantin (supaya tidak berdebar-debar). *Madak* terbahagi kepada dua jenis, iaitu *madak oyo* (mandi bedak besar). Pada masa silam, *mandi badak oyo* diadakan bermula sekitar pukul 10.00 malam hingga 4.30 pagi. Berdasarkan adat, majlis ini dimulakan terlebih dahulu oleh pihak lelaki, apabila majlis *madak* di rumah lelaki telah usai maka, rombongan dari pihak lelaki akan berangkat ke rumah pihak perempuan untuk melaksanakan acara *madak* di rumah perempuan. Ia bertujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Semasa majlis ini berlangsung, acara *betitik* turut diadakan. *Betitik* ialah paluan muzik tradisi Bajau yang diadakan untuk memeriahkan majlis tersebut, manakala *madak diki'* (mandi bedak kecil) pula akan diadakan selepas *madak oyo*, yakni sebelum terbit matahari. Ia bertujuan untuk membersihkan diri pengantin. Bedak akan dilumurkan ke seluruh badan pengantin untuk membersihkan kotoran. *Madak diki'* turut bermaksud bahawa si bakal pengantin akan menukar status diri dan bakal melalui alam berkeluarga serta mengalami peralihan taraf. Acara hanya dihadkan kepada ahli keluarga terdekat sahaja. Lazimnya, bedak tersebut dihasilkan daripada tepung beras, bunga-bunga dan minyak wangi. Selepas *madak*, acara *bepasar* (berinai) dilakukan. Majlis diteruskan dengan adanya acara berunsai, iaitu tarian tradisi Bajau yang diselangi dengan *kalang-kalang sama* (pantun). Walau bagaimanapun, sebelum majlis *madak* berlangsung, satu lagi majlis akan diadakan, iaitu majlis berzanji. Apabila majlis berzanji selesai, bakal pengantin akan direnjis oleh ahli keluarganya.

Majlis akad nikah diadakan pada hari persandingan berlangsung. Ia dilaksanakan sama ada dengan cara duduk atau berdiri (bergantung kepada status si lelaki). Selepas bernikah, pasangan pengantin akan disandingkan.

Pada zaman silam, pengantin lelaki tidak dibenarkan untuk memijak tanah, biasanya mereka akan diangkat dari [*u*]*sunan* (usungan) – hanya bagi golongan Datu sahaja, manakala kuda – bagi orang biasa dan kelompok miskin, dan pengantin dibawa ke atas rumah lalu didudukkan di atas *peningkoon* (tempat duduk – yang secara tradisi merupakan tilam kecil yang dialas menggunakan tujuh lapisan *tipo selisir*, yakni tikar tradisi Bajau). Pengantin lazimnya ditemani oleh dua orang *pawai* (pengapit). Rombongan pengantin lelaki juga dimestikan untuk membawa akad nikah, yakni buah tangan daripada keluarga lelaki kepada keluarga perempuan. *Damak* biasanya mengandungi kuih-muih, sirih pinang, buah-buahan, tembakau dan sebagainya. Ketibaan rombongan pengantin lelaki ditandai dengan beberapa das tembakan (juga bergantung kepada status si lelaki).

Selepas acara akad nikah selesai, pasangan pengantin akan disandingkan di atas pelamin. Pelamin tradisi Bajau mempunyai tiga lapisan tabir yang perlu dilalui oleh si lelaki. Sebelum itu, *pawai* lelaki akan diminta untuk bersyair di hadapan pelamin untuk diperdengarkan kepada pengantin perempuan dan seluruh hadirin yang ada. Selepas itu, lapisan tabir pertama akan dibuka sementara dua lapisan lagi perlu dibuka dengan memberikan pemberian berupa *mayad tabir* (cukai tabir) yang lazim diminta oleh mak andam. Kadang-kadang wujud proses tawar-menawar bagi cukai tabir antara mak andam dengan *pawai* lelaki. Sebelum pengantin lelaki duduk bersanding, dia perlu membatalkan wuduk pada pengantin perempuan. Bagi masyarakat Bajau tradisi, membatalkan wuduk dilakukan dengan cara si lelaki memusing-musingkan sapu tangan sebanyak tiga kali di atas kepala perempuan, kemudian dia menjatuhkan sapu tangan itu di atas tangan perempuan. Setelah itu, si lelaki akan menyentuh langit keras dengan ibu jari kanannya lalu, menyentuh dahi si perempuan sambil membaca kalimah syahadah. Apabila acara ini selesai maka, wuduk si pengantin perempuan dianggap telah dibatalkan.

Majlis perkahwinan tidak berakhir begitu sahaja malah, ada acara yang dinamakan *ngendo*, yakni acara pengantin perempuan bertandang ke rumah pengantin lelaki. Ia bermaksud menjemput si perempuan ke rumah keluarga si lelaki. Lazimnya, *ngendo* akan dibuat selepas tiga hari majlis perkahwinan selesai. Pada zaman dahulu, terdapat beberapa peraturan yang perlu dipatuhi semasa *ngendo*. Sekiranya kedudukan rumah keluarga lelaki tidak melintasi sebarang sungai maka, si pengantin perempuan perlu tidur

di rumah keluarga pengantin lelaki selama tiga hari sebelum majlis *ngendo* dibuat. Namun, jika rumah keluarga lelaki itu melintasi sungai maka, si pengantin perempuan perlu tidur selama tujuh hari di rumah pengantin lelaki sebelum majlis *ngendo* dibuat. Jika keluarga perempuan datang *ngendo* lebih awal daripada tempoh tujuh hari maka, denda adat akan dikenakan. Pada zaman tradisi, *ngendo* dibuat dalam tempoh tertentu untuk maksud membiasakan diri mempelai perempuan dengan keluarga mempelai lelaki dan sebaliknya.

Semasa majlis *ngendo* diadakan, yakni kedua-dua mempelai kembali ke rumah keluarga perempuan, mereka akan dibekalkan dengan *pebaunan pemanganan*, yakni bekal yang terdiri daripada peralatan dapur seperti pinggan mangkuk, dulang (talam) tembaga, *selapa'* (tepak sirih), periuk, cawan, gelas, teko dan sebagainya. Di samping itu, *pebaunan peturian*, yakni peralatan tidur yang terdiri daripada tilam, selimut, bantal dan sebagainya turut diberikan kepada pasangan pengantin baharu itu. Selain itu, pada masa silam pengantin lelaki turut dikehendaki membawa bersama seekor kerbau sebagai *tekok penongot* (kepala mas kahwin) kepada mentuanya. *Tekok penongot* yang diminta itu mestilah seekor kerbau indung. *Tekok penongot* ini tidak semestinya diserahkan pada hari berkenaan sebaliknya, *tekok penongot* boleh *tinanggung* (ditanggungkan), yakni *tekok penongot* hanya diberikan atau dikeluarkan sekiranya pasangan suami isteri itu bercerai hidup. Jika suami isteri berkenaan berjodoh sehingga akhir hayat maka, *tekok penongot* tidak akan dikeluarkan. Pada zaman dahulu, *tekok penongot* itu biasanya akan dipelihara oleh pasangan suami isteri sebagai salah satu sumber hidup, yakni kerbau indung itu akan digunakan sebagai alat membajak di sawah dan kerbau itu akan turut membiak serta menjadi sumber ekonomi keluarga. Dalam masyarakat Bajau, *tekok penongot* itu adalah milik mutlak si pengantin perempuan. *Tekok penongot* kekal diminta sehingga diminta semasa proses peminangan.

## **Perubahan dan Penyesuaian**

Perkahwinan etnik Bajau turut berubah seiring dengan tuntutan zaman khusus dari segi adat. Perbincangan sebelumnya memfokuskan kepada adat perkahwinan tradisi dan di bahagian ini pula dibincangkan adat perkahwinan yang masih dilaksanakan dalam acuan moden, yakni seiring dengan peralihan masa. Perubahan masa dan keadaan persekitaran yang tidak begitu



merangsang ketegaran adat tradisi menyebabkan setiap adat tradisi dalam mana-mana masyarakat tradisi sekalipun akan turut berubah dan disesuaikan berdasarkan keperluan semasa. Situasi serupa turut menimpa adat tradisi masyarakat Bajau. Hasil pemodenan zaman maka, banyak antara tradisi silam perlu berubah menurut kehendak generasi muda yang memilih untuk meneruskan atau meninggalkan adat-adat terbabit.

Terdapat banyak faktor penyumbang yang menyebabkan keadaan ini berlaku antaranya peredaran masa. Masa banyak menjadi saksi kepada tegar atau gugurnya satu-satu adat tradisi. Fenomena ini turut dibantu dengan pemodenan zaman yang seolah-olah tidak menggalakkan kepada penerusan adat tradisi silam. Kesannya, generasi lama seolah-olah harus akur dengan penerimaan dan pemahaman generasi baharu terhadap adat. Kebanyakan generasi lama Bajau kini lebih selesa membiarkan generasi muda memahami adat tradisi Bajau dalam acuan moden.

Faktor lain yang dilihat paling meninggalkan kesan kepada adat tradisi ialah pendidikan. Hampir seluruh ahli masyarakat Bajau telah menerima pendidikan, sama ada bersifat asas hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Mereka kemudiannya berjawatan yang menyebabkan mereka menukar cara berfikir dan mula menganggap tradisi silam seolah-olah terlalu kuno untuk dipertahankan. Akhirnya, untuk tidak terus menolak tradisi silam, mereka cuba untuk melakukan satu pengubahsuaian yang serasi dan selesa serta diterima pakai oleh kebanyakan generasi muda. Secara tidak langsung, pendidikan moden telah membolehkan kebanyakan generasi muda Bajau menikmati jenis-jenis pekerjaan moden juga. Faktor pekerjaan moden menyebabkan mereka terdedah kepada pelbagai pengaruh moden. Perkara ini telah menyebabkan mereka mulai mempraktikkan cara baharu (moden) dalam gaya hidup, apatah lagi apabila menyangkut hal-hal perkahwinan maka, elemen moden lebih diketengahkan berbanding yang tradisional.

Faktor pemahaman yang baik terhadap agama turut menidakan sebahagian besar daripada adat tradisi Bajau. Memandangkan pendidikan telah berperanan baik dalam masyarakat ini maka, secara tidak langsung, pemahaman terhadap agama Islam turut meningkat dan semakin baik. Keadaan ini menjadikan generasi muda mahu meninggalkan adat tradisi yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Generasi lama harus akur dan mereka tidak berupaya untuk mempertahankan perubahan yang

mendatang. Sebaliknya, adat tersebut diubah suai dan ditokok tambah dengan menyelitkan unsur-unsur keagamaan dalam adat tradisi.

Persekitaran sosial masyarakat muda Bajau turut berperanan menafikan ketegaran adat tradisi lama. Pemodenan, pengaruh daripada media sama ada media cetak mahupun audio visual telah sedikit banyak memberikan kesan mendalam kepada anggota-anggota muda masyarakat ini. Penerimaan mereka terhadap adat turut berubah dan menganggap pelaksanaan adat tradisi seolah-olah membebankan. Kesannya, mereka cuba meninggalkan secara perlahan atau melakukan pengubahsuaian yang perlu. Selain itu, umur perkahwinan dalam masyarakat Bajau turut berubah. Jika pada tahun-tahun 50-an, 60-an dan awal 70-an, usia berkahwin bagi masyarakat Bajau sekitar 18 tahun bagi lelaki, 14-15 tahun bagi perempuan, kini ia telah beranjak ke tahap usia yang lebih tinggi. Keadaan turut dibantu oleh perubahan sikap dalam kalangan ibu bapa yang lebih mengutamakan pendidikan anak-anak. Hasilnya, generasi muda Bajau lebih mendahulukan pendidikan, membina kerjaya dan barulah memikirkan perkahwinan. Walau bagaimanapun, fenomena ini bukanlah suatu hal luar biasa yang berlaku, ia turut menimpa dan berlaku dalam kelompok etnik-etnik peribumi lain di Sabah.

Dari segi adat tradisi perkahwinan Bajau, terdapat beberapa perkara yang mula berubah cara dilakukan oleh generasi mudanya, antaranya *mendo* dan *seruan*; *berian*; *madak*; [*u*]sunan; akad nikah; *ngendo*, *mendo* dan *seruan* – masyarakat Bajau tradisi akan berpandu kepada *bintang dua belas* sebelum melaksanakan apa juga acara keramaian tetapi, kini panduan sedemikian sudah tidak lagi diperlukan dan dilakukan. Kini, kebanyakan acara akan dipilih untuk dijalankan semasa cuti persekolahan atau hujung minggu.

- i) *Berian* – Pada masa silam, apabila pihak lelaki menghantar *berian*, tidak wujud balasan daripada pihak perempuan sebaliknya hari ini, pihak perempuan akan turut membalas *berian* yang dihantar. Selain itu, *tekok berian*, yakni ‘kepala’ mas kahwin tidak lagi dihitung secara berasingan daripada *berian* (mas kahwin). Misalannya, pada masa dahulu, jika pihak perempuan meminta enam ekor kerbau sebagai *berian* bermakna, pihak lelaki perlu menyediakan tujuh ekor kerbau dengan maksud, seekor kerbau indung adalah *tekok berian*. Sebaliknya, *tekok berian* yang dahulunya diminta berasingan daripada pihak lelaki kini telah dirangkumkan sekali gus dengan

*berian* seluruhnya. Nilai bagi *tekok berian* dan *berian* juga telah digabungkan dengan satu jumlah yang disepakati bersama oleh kedua-dua keluarga bakal pengantin. Dengan perkataan lain, *berian* yang diminta kini tidak lagi *dirirai* (diperincikan) oleh keluarga pengantin perempuan. Namun, hal tersebut juga bergantung kepada keluarga perempuan yang dipinang. Sesetengah ahli keluarga Bajau masih mahu menyetengahkan keunikan isi kandungan *berian* dan sebaliknya.

- ii) *Madak* – Kini jarang kedengaran *madak oyo* dan *madak diki*'. Majlis yang ada hanya *madak* sahaja, yakni pelaksanaannya dilakukan di rumah pengantin kedua-dua belah pihak sahaja dan tidak lagi dijalankan secara bergilir-gilir.
- iii) *[U]sunan* – Penggunaan tenaga manusia untuk mengangkat *[u]sunan* digantikan dengan penggunaan kereta. Walau bagaimanapun, bagi kelompok Datu, *[u]sunan* masih bersifat tradisi yakni mengangkat atau menjunjung pengantin dengan menggunakan tenaga manusia kerana ia melambangkan status yang mereka miliki. Dalam sesetengah keadaan, yakni melibatkan jarak rumah pengantin lelaki dan perempuan yang jauh maka, *[u]sunan* tersebut telah diubah suai dengan menggunakan kereta dan kereta itu akan dihias selayaknya darah Datu itu. Keadaan menjadi lebih baik berbanding pada masa silam yang menggunakan tenaga manusia.
- iv) Akad nikah – Tidak lagi dilakukan pada hari perkahwinan sebaliknya, acara nikah dilaksanakan sehari sebelum majlis persandingan. Langkah ini bertujuan untuk menjimatkan masa terutama bagi keluarga lelaki yang berasal dari daerah luar.
- v) *Ngendo* – Hari ini, majlis *ngendo* akan diadakan sehari selepas majlis persandingan disebabkan kesuntukan masa kerana kebanyakan pasangan pengantin baharu Bajau bekerja dan mereka tidak mempunyai cuti yang panjang untuk menjalankan adat tersebut.
- vi) *Pebaunan* – Kini, kebanyakan keluarga tidak lagi membekalkan *pebaunan*, sama ada *pebaunan pemanganan* ataupun *pebaunan peturian* kepada pasangan pengantin baharu walaupun terdapat juga dalam sesetengah keadaan ada keluarga yang masih memberikan

*pebaunan*. Hal ini berpunca daripada konteks moden yang difikirkan perlu memudahkan banyak perkara. Jarak kediaman yang dahulunya dianggap jauh sudah mula dianggap lebih dekat kerana wujudnya sistem jalan raya dan pengangkutan yang baik. Apatah lagi, sekiranya salah satu pasangan itu berasal dari daerah atau negeri berlainan maka, pemberian *pebaunan* dianggap akan menyusahkan pasangan untuk membawanya kembali ke rumah baharu mereka. Proses *ngabar* pula telah dipermudahkan dalam konteks yang pelbagai, yakni penggunaan kad undangan perkahwinan, penggunaan khidmat pesanan ringkas (sms), telefon dan *facebook* yang telah memudahkan proses perhubungan. Walau bagaimanapun, saudara dekat kekal dijemput secara lisan.

Meskipun banyak adat resam dalam masyarakat Bajau, perkahwinan ditumpukan dalam makalah ini kerana difikirkan ia menarik untuk dikongsi bersama. Seyogianya ditekankan bahawa makalah ini tidak memperincikan status individu dan nilai yang diminta berdasarkan status tersebut dalam adat perkahwinan Bajau. Nilai status tidak banyak mengalami perubahan kerana nilai tersebut difikirkan perlu untuk dipertahankan. Hal ini demikian kerana generasi lama dan muda Bajau seolah-olah sepakat mempertahankan darah keturunan dalam diri masing-masing.

Meskipun masa dan tahun bersilih ganti, perubahan dalam adat tradisi Bajau tidak dapat dihalang. Malah, dirasakan bagi sesetengah perkara, perubahan perlu dilakukan bagi menyesuaikan kehendak dan keselesaan semua individu terlibat. Sungguhpun di awal perubahan tersebut mendapat bantahan dan teguran generasi lama Bajau, mereka akhirnya terpaksa akur bahawa zaman telah berubah dan mereka perlu berubah demi memelihara adat tradisi daripada terus hilang dan tidak diketahui generasi muda Bajau. Sesungguhnya, nilai adat tradisi perkahwinan antara masyarakat Bajau dan Melayu tidak jauh berbeza. Persamaan yang wujud bukan sekadar kebetulan semata-mata sebaliknya, ia adalah pengaruh daripada budaya masyarakat Melayu kepada masyarakat Bajau.

Biar apa pun kendala yang bakal menimpa mana-mana budaya tradisi kelompok peribumi di bawah rumpun Melayu, perubahan itu harus dilihat dengan positif. Perubahan seumpama itu berkemungkinan secara tidak langsung boleh merubah sikap dan pemahaman pendukungnya terhadap nilai adat dan budaya tradisi yang sejati.

## KESIMPULAN

Memandangkan suku Bajau merupakan salah satu kelompok masyarakat yang kehidupannya bermula dengan merantau atau berkelana di air maka, tidaklah menghairankan jika mereka banyak ditemui di beberapa buah negara. Kehadiran mereka asalnya hanya untuk mencari penghidupan telah menyebabkan mereka merantau dan akhirnya menetap di kawasan-kawasan baharu yang kemudiannya menyebabkan mereka menjadi warga bagi negara-negara berkenaan. Perilaku berkelana memberi banyak dampak positif kepada suku Bajau khususnya orang-orang Bajau yang berada di Sabah. Mereka belajar daripada masyarakat yang berjiranan untuk hidup kekal di daratan. Jika dahulunya suku Bajau ditemui hidup dalam perahu namun, kini mereka telah berubah dan menjadikan daratan sebagai rumah kekal. Transformasi hidup daripada hanya berkelana di laut ke kehidupan yang lebih tetap dengan membina kediaman kekal di daratan membolehkan mereka beradaptasi dan mengasimilasikan diri dengan budaya kelompok suku yang berjiranan. Kesan tersebut dapat dilihat daripada aspek budaya perkahwinan mereka.

## NOTA

<sup>1</sup>*Sama* merupakan perkataan yang sinonim dengan bahasa Bajau. Dalam kalangan penutur-penutur Bajau, mereka mengenali bahasa yang mereka gunakan sebagai bahasa *Sama* atau *Sama*.

<sup>2</sup>Sumber: temu bual bersama Mohd. Asri bin Haji Ispal.

<sup>3</sup>Sumber: diadaptasi daripada James T. Collins (1996).

<sup>4</sup>Sumber: temu bual bersama Nasir bin Ajimin.

<sup>5</sup>Sumber: temu bual bersama Bakri bin Bibi.

<sup>6</sup>Sumber: diadaptasi daripada Crowley (1987).

<sup>7</sup>Asmah Haji Omar (1995:1) menjelaskan bahasa Bajau purba ini mempunyai hubungan dengan bahasa-bahasa purba di bawah subkumpulan rumpun Austronesia, khususnya di Sabah seperti bahasa Dusun purba dan bahasa Murut purba. Beliau menerangkan hubungan kebahasaan tersebut menerusi konsep (*frequency*) pengulangan/kekerapan dalam bahasa Bajau. Contohnya, perkataan *menduo*, *mentelu*, *melimo* (Bajau darat) dan *mindua*, *mintelu*, *minlima* (Bajau laut), yang bermaksud sekali, dua kali dan lima kali. Imbuhan awalan *me-* dan *mi-* yang dinasalisasikan dalam bahasa Bajau ini memaparkan konsep 'kali kedua,' manakala untuk konsep 'sekali,' bahasa Bajau menggunakan bentuk yang berlainan. Contohnya, *semomon* dalam Bajau darat dan *maintadaru* untuk Bajau laut. Asmah menjelaskan lagi bahawa awalan *me-* dan *mi-* dalam bahasa Bajau darat dan laut diturunkan sepenuhnya dari bahasa Bajau purba, tetapi untuk perkataan *maintadaru* dalam Bajau laut memperlihatkan satu gambaran bentuk purba yang direkonstruksikan sebagai \*mahin. Di mana wujud penyisipan \*h di antara urutan dua vokal. Menurut Asmah, keadaan tersebut membuktikan wujudnya bentuk kognat antara bahasa Bajau purba \*mahin dengan bentuk bahasa Dusun purba, seperti *koin-* dalam bahasa Kadazan Tambunan yang turut memperlihatkan kemungkinan bentuk tersebut adalah berasal daripada bentuk purba \*kohin. Sebagai contoh dalam perkataan seperti *koinsan*, *koinduo* dan *koingapat* yang bermaksud 'sekali', 'dua kali' dan 'empat kali.' Melalui penjelasan di atas, Asmah cuba untuk membuktikan bahawa subkeluarga Bajau mempunyai persamaan dengan subkeluarga bahasa di Sabah seperti subkeluarga Dusun.

<sup>8</sup>Untuk mengandaikan keseasalan bahasa yang tergolong dalam satu rumpun, yakni bahasa-bahasa yang berkerabat diturun oleh sumber yang sama untuk mengetahui keseasalan dan kekerabatan sesuatu bahasa dengan bahasa lain, kaedah perbandingan boleh digunakan. Kaedah ini membolehkan seseorang penyelidik merekonstruksi unsur inti sesuatu bahasa kuno yang menurunkan bahasa-bahasa kerabatnya melalui perubahan bunyi, makna dan tatabahasa. Melalui kaedah ini juga dapat dilihat ciri inovasi dan retensi yang berlaku dalam sesuatu bahasa. Kedua-dua unsur ini memainkan peranan utama di dalam rekonstruksi bahasa kuno serta pengelompokan bahasa serumpun.

<sup>9</sup>Karya J.U. Wolff (1976) dipetik dalam Collins (1994: 585) mengesan kata-kata pinjaman dalam bahasa Tagalog yang melebihi daripada 300 perkataan, yang dipinjam daripada bahasa Melayu atau yang dipinjam daripada bahasa Sanskerta dan bahasa Arab melalui bahasa Melayu. Wolff menampilkan beberapa hujah linguistik yang menyokong andaian bahawa sumber kata-kata Melayu dalam bahasa Tagalog tidak lain daripada dialek Melayu Brunei (cf., Collins, 1994). Penulis ingin menekankan bahawa dalam bahasa Bajau laut kehadiran konsonan /h/ yang ketara, berkemungkinan merupakan salah satu pengaruh daripada bahasa Tagalog yang mempunyai ciri retensi bunyi [h]. Sebagaimana yang diramalkan oleh Wolff bahawa kehilangan [h] dalam dialek Brunei itu mungkin terjadi setelah kosa katanya dipinjam dalam bahasa Tagalog. Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan jika wujud retensi bunyi [h] dalam bahasa Bajau laut kerana bahasa ini berkemungkinan diturunkan daripada keluarga bahasa Bajau purba yang mempunyai hubungan kebahasaan dengan bahasa Filipina purba.

<sup>10</sup>Penelitian Collins (1995:876) terhadap bahasa Bajo Sangkuang dipadankan dengan bahasa Melayu purba. Ciri-ciri fonologi yang sama dalam dialek Brunei/dialek Bacan dan bahasa Bajo Sangkuang, iaitu tekanan disejajarkan sehingga semua perkataan, termasuk yang pernah mengandungi [ɔ], ditekankan pada suku kata praakhir. Demikian juga kita melihat pemanjangan konsonan (tebal>tabbal) dan penguatan/pemberatan [ɔ]. Bahasa ini berbeza daripada dialek Brunei dan Banjar (yang selalu mengubah [ɔ] menjadi a). Dalam bahasa Bajo Sangkuang, [ɔ] disesuaikan dengan vokal dalam suku kata akhir.

## RUJUKAN

- Abd. Ghani Bagul. 1950. Notes on the Bajau Language. *Sarawak Museum Journal*, Vol. 5: 196-200.
- Asmah Haji Omar. 1995. Processes in the Development of Numerals in the Bajau Darat and Bajau Laut. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Masyarakat Bajau/Sama. Kota Kinabalu, Sabah. 24-28 Jun.
- Banker, Elizabeth. F. 1984. The West Coast Bajau Language. Dlm. Julie, K. King & John, Wayne King (pnyt.). *Language of Sabah: A Survey Report. Pacific Linguistic: C-78*. The Australian National University.
- Blust, Robert. A. 1986. *Penyusunan Salasilah Bahasa di Malaysia (terj.)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buyong Adil. 1972. *Sejarah Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James. T. 1991. Bahasa Melayu di Sungai Mahakam: Siasatan Fonologi Dialek Kutai. *Sari*, Vol. 10: 3-24.
- Collins, James. T. 1994a. Preliminary Notes on Berau Malay. Dlm. P. Martin (pnyt.). *Shifting Patterns of Language Use in Borneo*. Williamburg: Borneo Research Council.

- Collins, James. T. 1994b. Sumbangan Dialek Brunei Dalam Pengkajian Sejarah Bahasa Melayu: Menyusun Strategi Penelitian Senusantara. *Jurnal Dewan Bahasa*, Vol. 38(7): 580-592.
- Collins, James. T. 1995. Pulau Borneo Sebagai Titik Tolak Pengkajian Sejarah Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 39(10): 868-878.
- Collins, James. T. 1996. Bajo Sangkuang: Laporan Awal. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40(1): 4-24.
- Dartford, G.P. 1963. *A Short History of Malaya*. Kuala Lumpur: Longmans of Malaya Ltd.
- Gusni Saat. 2003. *Komuniti Samah-Bajau di Bandar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Low, Hugh. 1980. Silsilah (Book of the Descent) of The Rajs of Brunei. *Journal of The Straits Branch Royal Asiatic Society*, No. 5:1-35.
- Miller, C.P. 1981. A brief look at the languages and dialects of Sabah. *Sabah Society Journal*, Vol. 7(1): 53-64.
- Mohd. Jamil Al-Sufri. 1977. Islam in Brunei. *Brunei Museum Journal*, Vol. 4 (1): 35-42.
- Pallesen, A.K. 1977. *Cultural Contact and Language Convergence*. Disertasi Ph.D. University of California (Berkeley).
- Pallesen, A.K. 1979. The Pepet in Sama-Bajaw in Southeast Asian Linguistic, Series 3. *Pacific Linguistic*: C-45. The Australian National University.
- Sather, Clifford. A. 1968. Some Notes Concerning Bajau Laut Phonology and Grammar. *Sabah Society Journal*, 3: 205-224.
- Sopher, David. E. 1965. *The Sea Nomads: A Study Based on the Literature of the maritime Boat people of Southeast Asia*. Syracuse University: Memoirs of the National Museum No.5.
- Sweeney, P.L. 1968. Silsilah Raja-Raja Brunei. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. 41, 2: 1-82.
- Verheijen, Jillis. A.J. 1986. The Sama/Bajau language in the Lesser Sunda Islands. *Pacific Linguistic*: D-70. The Australian National University.
- Warren, J.F. 1972. The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau 1878-1909 (The Pacification of a Maritime Nomadic People). *Papers in International Studies, Southeast Asia Series No.22*. Ohio: University Center for International Studies, SEA programme.
- Whelan, F.G. 1970. *A History of Sabah*. Singapore: Macmillan & Co (S) Private Ltd.
- Wilkinson, R.J (ed.). 1971. *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Yeop Johari Yaakub & Ismail Abbas. 1988. Masyarakat Bajau: Tinjauan Sepintas Lalu terhadap Masyarakat dan Kosa Kata. *Jurnal Dewan Bahasa*, Vol. 32(1); 39-44.

**Temu Bual**

Bakri bin Bibi  
Kampung Bangao-Bangao, Semporna  
Tarikh temu bual: 13 Sept 2007

Haji Ibrahim Haji Abd. Kadir  
Kampung Taun Gusi, Kota Belud  
Tarikh temu bual: 30 Mei 2008

Hajah Ramlah Haji Mohammad Zaini  
Kampung Linau, Kota Belud  
Tarikh temu bual: 10 Jun 2010

Mohd. Asri bin Haji Ispal  
Kampung Seraya, Semporna  
Tarikh temu bual: 12 Sept 2007

Nasir bin Ajimin  
Kampung Kuala Abai, Kota Belud [responden berasal dari Pulau Ayakan, Basilan,  
Filipina]  
Tarikh temu bual: 28 Nov 2007